

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

EBS 201/3 - Mendapan Mineral

Masa : [3 jam]

Arahan Kepada Calon :-

Sila pastikan kertas ini mengandungi Tiga (3) muka surat bercetak sebelum anda meneruskan dengan peperiksaan ini.

Kertas ini mengandungi Tujuh (7) soalan.

Jawab soalan 1 dan 4 soalan lain.

Jawapan bagi setiap soalan hendaklah dimulakan pada muka surat yang baru.

Semua soalan hendaklah dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. Bincangkan proses kejadian mendapan magma jenis bijih kuprum. Tunjukkan dengan jelas sumber dan sinkinya, dan perihalkan bagaimana mineral kuprum dapat terkumpul dengan banyaknya di satu-satu tempat. Tunjukkan kejadiannya dengan merujuk kejadiannya dengan ruang-ruang dan masa.

Nyatakan mineral-mineral yang mengandungi kuprum.

(28 markah)

2. Terangkan teori genesis bijih berikut :-

- (i) Proses metamorfik.
- (ii) Pengayaan sekunder.
- (iii) Penumpukan mekanikal.
- (iv) Pelonggokan pegmatit.

(18 markah)

3. Perihalkan ciri-ciri kejadian lempung primer dan lempung sekunder. Tunjukkan tindakbalas-tindakbalas yang sering berlaku di dalam kejadian mendapan lempung. Perihalkan mineral lempung yang sering wujud di bawah pengaruh iklim tropika.

(18 markah)

4. Mendapan timah lanar mempunyai banyak persamaan dengan mineral bauksit. Huraikan.

(18 markah)

5. Beberapa mendapan mineral terjadi hasil daripada pengaruh tindakan metamorfisma. Dengan menggunakan contoh, huraikan empat kejadian mendapan yang terhasil daripada tindakbalas metamorfisma.

(18 markah)

6. Beri keterangan ringkas mengenai istilah-istilah berikut. Sertakan contohnya sekali.

- (i) Paragenesis.
- (ii) Mineral berharga.
- (iii) Mineral reja.
- (iv) Protbijih.
- (v) Faktor penumpukan.
- (vi) Gred laba.

(18 markah)

7. Perinaikan dengan jelas kejadian mendapan evaporit. Berikan contoh-contoh dan nyatakan syarat-syarat persekitaran yang perlu wujud untuk terjadinya mendapan evaporit.

(18 markah)